

# Anwar tekad bersihkan budaya minta komisen

Langkah wujud sistem lebih telus, tingkat keyakinan pelabur

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui masih wujud 'budaya lama' sesetengah pihak yang berurusan dengan kerajaan bagi mendapatkan komisen.

Perdana Menteri berkata, budaya itu harus dibersihkan meskipun ia mengambil masa serta memerlukan kerjasama semua pihak.

"Kita tak boleh menafikan masih ada dan saya masih mendengar kadang-kadang ada orang minta komisen di pejabat saya, pejabat menteri, pejabat pegawai," katanya berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Perdana Menteri menegaskan, hanya melalui imej yang bersih mampu melonjakkan imej negara termasuk memberi keyakinan kepada pelabur untuk datang ke Malaysia.

Katanya, sekiranya tadbir urus, tata kelola dan imej baik dapat dikekalkan, beliau percaya masa depan negara akan lebih cerah berbanding sebelum ini.

Anwar turut mengaitkan ke-



Anwar berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Perdana Menteri Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. Turut hadir, Ahmad Zahid, Fadillah serta Mohd Zuki. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

jayaan luar biasa lawatan rasminya ke China baru-baru ini disebabkan usaha berterusan serta semangat berpasukan rentas kementerian yang dilaksanakan dengan baik.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu secara tidak langsung memberi keyakinan baharu kepada pelabur menerusi politik yang stabil serta ketetapan lebih jelas untuk ada kaedah baharu yang lebih cekap dan bersih.

"Ini kerana bukan seorang Perdana Menteri, tetapi (sebagai) pasukan, pimpinan dan penjawat awam, menyusun acara, mendapatkan hampir 50 syarikat gergasi terbesar ini untuk boleh hadir.

"Ini kerana usaha dibuat bukan sahaja oleh Kementerian Luar tetapi juga kementerian ter-

kait, berbincang dan menemui mereka (China) sebelum ada pertemuan itu," katanya.

Mengulas lanjut, Anwar mengaku dengan imej Malaysia yang baik, beliau mendapat lawatan luar biasa daripada Presiden China, Xi Jinping dan Perdana Menteri China, Li Qiang.

## Terharu layanan China

"Saya terkesan dan terharu, bukan sekadar layanan, malah perbincangan hati ke hati, menghormati pendirian kita, meneliti beberapa inisiatif termasuk mengenai pembangunan, keselamatan dan peradaban.

"Malah, dalam (kata) penghantar, dia (Jinping) Sebut mengenai (konsep) madani, dia sebut minat saya yang suka mengkaji Confucius dan dia anggap kita suara

dalam dunia Islam jadi perbincangan itu penuh dengan penghormatan," katanya.

Sempena lawatan rasmi Anwar ke China itu, Malaysia meraih komitmen pelaburan tertinggi dalam sejarah berjumlah RM170 bilion daripada pelabur China, hasil pemeteraian 19 memorandum persefahaman (MoU) antara syarikat Malaysia dengan China.

Anwar juga berkata, beberapa syarikat dari China buat kali pertama bersetuju memilih Malaysia sebagai hab serantau, sekaligus memberi lonjakan baharu terhadap imej negara.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, beliau akan mengumumkan perincian mengenai perkara itu dalam tempoh terdekat.